

P. Punithan Dilantik Setiausaha Pemuda MIC Yang Baru
Bernama
14 September 2011

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Anggota Exco Pemuda MIC P. Punithan dilantik sebagai Setiausaha Pemuda MIC yang baru, demikian diumumkan oleh Ketua Pemuda MIC T. Mohan.

Mohan berkata pelantikan Punithan itu berkuat kuasa serta-merta selepas beliau mengadakan perbincangan dengan Presiden parti, Datuk G. Palanivel.

"Saya baru saja menghantar surat pelantikan kepada beliau hari ini," katanya kepada Bernama ketika dihubungi.

Punithan akan mengambil alih jawatan itu daripada C.Sivarraajh yang digantung setahun oleh Jawatankuasa Disiplin parti selepas mengkritik kepimpinan parti kerana mengembalikan semula jawatan beberapa anggota yang dipecat daripada parti pada April tahun lepas.

Sivarraajh dilaporkan telah membuat laporan kepada Pendaftar Pertubuhan selepas parti membuat keputusan untuk mengembalikan semula jawatan tiga pemimpin -- bekas Timbalan Ketua Pemuda V. Mugilan dan dua bekas anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) K. P. Samy serta G. Kumar Amaan.

Bagaimanapun, CWC yang mengadakan mesyuarat pada hujung tahun lepas, telah mengurangkan tempoh penggantungan Sivarraajh daripada setahun kepada empat bulan yang akan berakhir pada 31 Dis tahun ini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=613571>